

Carta Alir Permohonan



JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Panduan Penaksiran Risiko Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan Secara Generik 2021 EDISI KETIGA



Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi :
 Bahagian Pengurusan Kimia
 Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)
 Aras 1, 3, 4 & 5, Blok D4, Kompleks D,
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
 62530 W.P. Putrajaya.
 Emel : projkkp@mohr.gov.my . Tel: +603 8000 8000.
 Faks: +603 8889 2443

****Lulus tapisan bermaksud memenuhi kriteria prakelulusan**

1 Pengenalan GCHRA

Penaksiran penuh yang dijalankan di lokasi wakilan yang mewakili beberapa tempat kerja yang lain yang mana:

- ✓ Aktiviti kerja yang serupa;
- ✓ Tahap risiko sebanding/setara; dan
- ✓ Langkah kawalan yang serupa

3 Kaedah GCHRA

Penaksiran penuh hanya boleh dijalankan oleh pengapit berdaftar dengan pihak JKPP sahaja

4 "Outcome" GCHRA

Cadangan langkah kawalan bagi mengawal pendedahan kepada BKBKK dalam kalangan pekerja di tempat kerja berkenaan adalah sama dan boleh diseragamkan.


5 Prosedur permohonan GCHRA

Permohonan GCHRA merangkumi prosedur seperti berikut:

1. Permohonan pra-kelulusan mengguna pakai GCHRA
2. Permohonan kelulusan mengguna pakai GCHRA
3. Permohonan kelulusan Penaksiran semula mengguna pakai GCHRA (apabila kelulusan GCHRA sebelum ini terbatal).
4. Carta alir prosedur permohonan prakelulusan dan kelulusan kaedah penaksiran risiko kepada kesihatan secara generik boleh dirujuk dalam carta alir permohonan

2 Tujuan Panduan


Memberi panduan kepada majikan bagi mendapatkan kelulusan JKPP untuk menjalankan penaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik di tempat kerja selaras dengan kehendak Peraturan USECHH 2000.



6 Syarat-syarat permohonan GCHRA

- ### Syarat Prakelulusan
- i. Rangkaian syarikat dan pengurusan yang sama;
 - ii. Sektor industri yang sama;
 - iii. Minima terdapat 5 tempat kerja;
 - iv. Pengelasan bahan kimia yang sama;
 - v. Kuantiti BKBKK setara digunakan dalam julat yang praktik ;
 - vi. Aktiviti kerja yang sama;
 - vii. Langkah kawalan yang sama;
 - viii. Komitmen pengurusan tertinggi bagi melaksanakan/memantau sistem kawalan risiko berdasarkan cadangan penaksir yang dijalankan.

7 Garis Masa Permohonan & Pembatalan Prakelulusan



8 Pembatalan Kelulusan

- i. Penaksiran lepas sudah melebihi 5 tahun
- ii. Perubahan ketara (penggunaan bahan kimia, tugas atau kawalan)
- iii. Diarahkan penaksiran semula oleh Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah atau Pengarah JKPP

Syarat Kelulusan

- i. Laporan GCHRA hanya terpakai bagi **setiap tempat kerja yang dipersetujui dan disenaraikan** dalam laporan
- ii. Pengapit perlu **melawat** tempat kerja seperti yang dicadangkan dalam surat permohonan bagi **tujuan verifikasi** ke setiap tempat kerja yang tersenarai;
- iii. Bagi tempat kerja yang **tidak diverifikasi** oleh pengapit, majikan perlu membuat pengesahan;
- iv. Laporan GCHRA hendaklah **ditandatangani oleh pengurusan tertinggi dalam syarikat** bagi melaksana dan memantau sistem kawalan risiko yang dicadangkan oleh pengapit;
- v. Majikan yang mengguna pakai GCHRA dikehendaki **menyimpan salinan laporan GCHRA** di tempat kerja masing-masing (bagi tujuan kegunaan di tempat kerja dan semakan pegawai JKPP);
- vi. Kelulusan GCHRA akan **terbatal** secara keseluruhan jika majikan tidak mematuhi salah satu syarat permohonan prakelulusan;
- vii. Jika berlaku **perubahan yang ketara** dari segi penggunaan bahan kimia, **hanya akan terbatal bagi tempat kerja berkenaan sahaja.**